## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## JUMAAT 24 JUN 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | MAFI PANTAU KOS PENGELUARAN MAKANAN TERMASUK BAHAN API, UTUSAN BORNEO -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | MAFI PANTAU BEKALAN AYAM DI PERINGKAT LADANG, UTUSAN BORNEO -ONLINE | |
| 3. | MAFI PANTAU KOS PENGELUARAN MAKANAN TERMASUK BAHAN API, ASTRO AWANI -ONLINE | |
| 4. | MAFI TO MONITOR CHICKEN SUPPLY AT FARM LEVEL, KL SCREENER -ONLINE | |
| 5. | PENINGKATAN KOS CABAR INDUSTRI PERIKANAN NEGARA, UTUSAN DIGITAL -ONLINE | |
| 6. | AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES MINISTRY TO MONITOR CHICKEN SUPPLY AT FARM LEVEL, UTUSAN BORNEO -ONLINE | |
| 7. | MAFI PANTAU PENGELUARAN AYAM PERINGKAT LADANG, NASIONAL, BH -8 | |
| 8. | JAMIN BEKALAN AYAM, IKAN CUKUP, NEGARA, KOSMO -4 | |
| 9. | RAKYAT DIGALAK BERKEBUN ATASI KRISIS MAKANAN, FORUM, UM -19 | |
| 10. | MINISTRY TO MONITOR CHICKEN PRODUCTION TO PREVENT DRASTIC PRICE HIKES, NEWS, NST -4 | |
| 11. | SIN CHEW DAILY -ONLINE | |
| 12. | MUSANG KING HARGA MAMPU MILIK ANTARA TARIKAN PENANG FAMA FEST 2022, ASTRO AWANI -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 13. | DEPUTY MINISTER: DURIAN SUPPLY SUFFICIENT, PRICE STABLE, SIN CHEW DAILY -ONLINE | |
| 14. | DEPUTY AGRICULTURAL MINISTER: DURIANS ARE CHEAP AS HARVEST IS GREAT, GUANG MING DAILY -ONLINE | |
| 15. | PENGELUARAN DURIAN MENINGKAT, HARGA JUALAN BERPATUTAN, ASTRO AWANI -ONLINE | |
| 16. | SIN CHEW DAILY -ONLINE | |
| 17. | 1,460 EKOR AYAM DIJUAL RM5 SEKILOGRAM LAKU DALAM SEJAM, NEGARA, KOSMO -16 | |
| 18. | HASIL DURIAN DI LUAR JANGKA, NEGERI PULAU PINANG, SH -27 | |
| 19. | NO SHORTAGE OF CHICKEN, EGG IN FIRST TWO WEEKS OF JUNE, KWONG WAH YIT POH -ONLINE | |
| 20. | MADA PACU PELADANG BERDAYA SAING, NEGARA, KOSMO -13 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 21. | MADA PERKUKUH EKONOMI PPK, DALAM NEGERI, UM -30 | |
| 22. | WARGA SINGAPURA SERBU BATU PAHAT DEMI DURIAN, DALAM NEGERI, UM -29 | LAIN-LAIN |
| 23. | BEKAS JURUTERA ELEKTRIK TAK MENYESAL JADI PETANI, DALAM NEGERI, UM -30 | |
| 24. | PAJAK KEBUN DURIAN, PENDAPATAN RM120,000, DALAM NEGERI, UM -31 | |
| 25. | UNTUNG JUAL ARNAB PEDAGING, NEGARA, KOSMO -18 | |
| 26. | EZ QURBAN SASAR 'TUMBANG' 600 LEMBU, LOKAL, HM -32 | |
| 27. | GALAK KOPERASI, USAHAWAN CEBURI RANTAIAN BEKALAN, NASIONAL, BH -7 | |
| 28. | PERALIHAN SUBSIDI, BUKAN PEMBERHENTIAN SUBSIDI, RENCANA, UM -14 | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | UTUSAN BORNEO | ONLINE | |

# MAFI pantau kos pengeluaran makanan termasuk bahan api




JERTIH: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa memantau kos pengeluaran makanan termasuk kos bahan api seperti diesel bagi memastikan perubahan harga tidak menjejaskan sektor makanan negara terutama subsektor perikanan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee bagaimanapun berkata bahan api untuk kegunaan nelayan Kelas A, B dan C masih diberi subsidi oleh kerajaan dan pemberian subsidi itu dimulakan sejak tahun 2006.

Ronald berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Perasmian Hari Peladang, Penternak dan Nelayan 2022 Peringkat Negeri Terengganu di Dataran Pekan Jabi, di sini hari ini.

Dalam pada itu Ronald berkata stok bekalan ikan dalam negara adalah mencukupi meskipun ia bergantung kepada faktor cuaca.

Ditanya mengenai harga makanan laut itu yang tidak menentu, beliau berkata ia merupakan situasi biasa yang bergantung kepada faktor bekalan dan permintaan.

"Kadang-kadang ikan berlebihan dan ada ketika ikan sedikit kurang yang menyebabkan turun naik harga bekalan ikan di negara kita. Jadi ketika musim ikan banyak, tentu harga turun dan bila ikan sikit harga akan naik," katanya. - BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | UTUSAN BORNEO | ONLINE | |

# MAFI pantau bekalan ayam di peringkat ladang



BUKIT MERTAJAM: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memantau pengeluaran ayam di peringkat ladang bagi memastikan tidak berlaku gangguan bekalan ternakan itu sehingga boleh menyebabkan peningkatan harga yang mendadak.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata MAFI juga akan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang menaikkan harga ayam sewenang-wenangnya sehingga membebankan pengguna.

"Kerajaan buat keputusan tidak boleh sentiasa menanggung subsidi (untuk penternak ayam) sebab itu daripada bagi subsidi kepada penternak, kita bagi bantuan terus kepada pengguna...harga ayam akan diapung oleh penternak dan peniaga bermula 1 Julai ini selepas subsidi tidak diberikan kepada mereka.

"Namun di peringkat MAFI, kami akan pantau perkara itu termasuk di ladang dan akan mengambil tindakan jika harga jualan ayam (dinaikkan) sewenang-wenangnya...kami juga telah mengambil langkah bersiap sedia untuk membawa masuk 200 kontena ayam bulat bagi menampung bekalan dan memastikan harga tidak dinaikkan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau ditemui selepas merasmikan Penang Fama Fest 2022 yang bermula semalam hingga 26 Jun. Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Datuk Zainal Abidin Yang Razali.

Ahmad berkata selain itu, MAFI telah beberapa kali menjalankan pertemuan dan perbincangan dengan pihak penternak untuk mencari jalan terbaik serta situasi menang-menang dalam isu harga ayam dan ia akan diteruskan dari semasa ke semasa.

Beliau berkata berdasarkan pemeriksaan dan pemantauan, pihaknya mendapati sejak minggu kedua Jun lepas bekalan ayam stabil dan ia dijangka terus kekal begitu berikutan jumlah pengeluaran ayam yang semakin meningkat ketika ini.

Katanya, berdasarkan tahap sara diri (SSL) untuk ayam ketika ini bekalan ayam melepasi permintaan antara 104 hingga 105 peratus dan ketika ini bekalan ayam yang telah dikeluarkan ialah 60 juta tan ayam sedangkan permintaan hanya 54 juta tan.

"Sebenarnya kita sepatutnya mempunyai lebihan bekalan ayam, bagaimanapun disebabkan beberapa keadaan yang tidak dijangka mengalami kekurangan sebelum ini. Banyak langkah juga telah diambil oleh kerajaan termasuk memastikan stok ternakan ayam mencukupi. Dengan semua langkah ini dilaksanakan, keadaan kembali normal dan kami tidak menjangkakan kenaikan harga yang mendadak walaupun subsidi dihapuskan mulai bulan depan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata bagi memastikan bekalan ayam mencukupi dalam apa jua keadaan, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah mengarahkan MAFI, melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) untuk melaksanakan beberapa inisiatif.

"Kami juga memperuntukkan sejumlah RM62.5 juta kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) untuk menyimpan stok ayam dan ini telah bermula," katanya. - BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# MAFI pantau kos pengeluaran makanan termasuk bahan api



*Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee menjawab pertanyaan pemberita selepas membuat lawatan di Gelombang Utama Sdn Bhd di Tok Bali di sini hari ini. - Foto BERNAMA*

**JERTIH:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa memantau kos pengeluaran makanan termasuk kos bahan api seperti diesel bagi memastikan perubahan harga tidak menjejaskan sektor makanan negara terutama subsektor perikanan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kiandee bagaimanapun berkata bahan api untuk kegunaan nelayan Kelas A, B dan C masih diberi subsidi oleh kerajaan dan pemberian subsidi itu dimulakan sejak tahun 2006.

Ronald berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Perasmian Hari Peladang, Penternak dan Nelayan 2022 Peringkat Negeri Terengganu di Dataran Pekan Jabi, di sini hari ini.

Dalam pada itu Ronald berkata stok bekalan ikan dalam negara adalah mencukupi meskipun ia bergantung kepada faktor cuaca.

Ditanya mengenai harga makanan laut itu yang tidak menentu, beliau berkata ia merupakan situasi biasa yang bergantung kepada faktor bekalan dan permintaan.

"Kadang-kadang ikan berlebihan dan ada ketika ikan sedikit kurang yang menyebabkan turun naik harga bekalan ikan di negara kita. Jadi ketika musim ikan banyak, tentu harga turun dan bila ikan sikit harga akan naik," katanya.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | KL SCREENER | ONLINE | |

# MAFI to monitor chicken supply at farm level



BUKIT MERTAJAM (June 23): The Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI) will be monitoring the production of chicken at the farm level to ensure there is no disruption in the supply of poultry that could lead to a spike in price.

Its Deputy Minister 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah said MAFI is also taking firm action against parties who arbitrarily raised the price of chicken and burdened consumers.

"The government made the decision not to bear the subsidy (for chicken farmers) because from the subsidy saved we could give aid to poor consumers...the price of chicken will be floated from July 1, after the subsidy is withdrawn from breeders and traders

“Nonetheless, at MAFI level, we will monitor the matter including at farms and will take action if the price of chicken is raised without reason...we have also taken measures to bring in 200 containers of whole round chickens to meet supply and ensure the price is not arbitrarily increased,” he told reporters here on Thursday (June 23).

He was met after opening the Penang Fama Fest 2022, which began on Wednesday (June 22) to June 26. Also present was the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) director-general Datuk Zainal Abidin Yang Razali.

Ahmad said apart from that, MAFI had also held several meetings and discussions with breeders to find the best way and a win-win situation over the price of chicken and they would be carried out from time to time.

He said that based on inspections and monitoring, the ministry found the supply of chicken has stabilised since the second week of June and it is expected to remain as the production of chicken is increasing.

He said based on subsistence level (SSL) for chicken, supply has exceeded the demand now by between 104% to 105% and now the supply of chicken is at 60 million tonnes, while demand is at 54 million tonnes.

“Actually, we should be having surplus chicken. however due to several unexpected situations, there was a shortage earlier,” he said.

Commenting further, he said to ensure a sufficient supply of chicken, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob has ordered MAFI through Farmers’ Organisations Authority (LPP) to implement several initiatives.

“We have also allocated RM62.5 million to the National Farmers’ Organisation (NAFAS) to keep stockpile of chicken,” he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | UTUSAN DIGITAL | ONLINE | |

# Peningkatan kos cabar industri perikanan negara



RONALD Kiandee (tengah) meninjau pemprosesan ikan segar untuk sejuk beku di Jeti Mega Prestasi, Kampung Pak Mayong, Pasir Puteh, Kelantan hari ini. FOTO/ TOREK SULONG

PASIR PUTEH : Peningkatan kos bahan api, buruh dan penyelenggaraan peralatan serta membaik pulih kerosakan bot menjadi salah satu cabaran yang dilihat boleh memberikan kesan kepada pemain industri perikanan laut dalam negara sekaligus menjejaskan bekalan bahan mentah itu jika tidak ditangani dengan betul.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, berberapa langkah sudah diambil bagi membangunkan industri itu melibatkan aktiviti penangkapan ikan laut dalam, akuakultur dan pembangunan nelayan pesisir pantai menerusi Dasar Makanan Negara 2.0.

Menurutnya, MAFI telah turun padang untuk mendapatkan maklumat tepat, mendengar cadangan dan saranan daripada pemain industri dalam menggubal dasar untuk mewujudkan suasana pembangunan industri yang kondusif dalam era peningkatan kos pengurusan ketika ini.

“Cabaran yang dihadapi industri perikanan laut dalam atau mana-mana sektor dan sub-sektor yang berkaitan akan diteliti di peringkat kementerian.

“Ia termasuk membangun dan menyokong kejayaan pemilik kompleks perikanan persendirian (swasta) dan pelabuhan perikanan milik kerajaan yang diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) demi keperluan bekalan makanan negara,” katanya selepas melakukan lawatan Kompleks Syarikat Gelombang Utama Sdn. Bhd. di Pusat Pendaratan Ikan Mega Prestasi, Kampung Pak Mayong, di sini hari ini.

Ronald memberitahu, perikanan laut dalam yang diterokai pemain industri tempatan bukan sahaja membekalkan sumber makanan negara malah menjalan ekonomi dan menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Katanya, bagi merancakkan lagi industri perikanan negara permohonan untuk mendaratkan ikan di jeti persendirian tanpa perlu ke kompleks LKIM dan mempercepatkan proses pembaharuan lesen bot yang tersadai sepanjang Pandemik Covid-19 akan diperincikan oleh MAFI dengan kaedah yang terbaik.

“Perkembangan keseluruhan perlu diteliti dan dipertimbangkan. Perkara yang menghalang pertumbuhan industri perlu dilihat oleh kerajaan untuk dimurnikan .

“Agenda ini bertujuan membangunkan sektor perikanan secara lebih produktif,” ujarnya.

Dalam perkembangan lain, kenaikan kos pengurusan yang meningkat adalah fenomena global yang tidak menjejaskan sekuriti makanan negara kerana kerajaan sentiasa mengambil langkah drastik

membantu peggusaha dan rakyat menerusi pelbagai inisiatif dari dimensi  pembekalan dan keupayaan rakyat untuk berbelanja.- UTUSAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | UTUSAN BORNEO | ONLINE | |

# Agriculture and Food Industries Ministry to monitor chicken supply at farm level



Ahmad said apart from that, MAFI had also held several meetings and discussions with breeders to find the best way and a win-win situation over the price of chicken and they would be carried out from time to time. – Malay Mail photo

BUKIT MERTAJAM (June 23): The Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI) will be monitoring the production of chicken at the farm level to ensure there is no disruption in the supply of poultry that could lead to a spike in price.

Its Deputy Minister I Datuk Seri Ahmad Hamzah said MAFI is also taking firm action against parties who arbitrarily raised the price of chicken and burdened consumers.

"The government made the decision not to bear the subsidy (for chicken farmers) because from the subsidy saved we could give aid to poor consumers...the price of chicken will be floated from July 1 after the subsidy is withdrawn from breeders and traders.

"Nonetheless, at MAFI level, we will monitor the matter including at farms and will take action if the price of chicken is raised without reason...we have also taken measures to bring in 200 containers of whole round chickens to meet supply and ensure the price is not arbitrarily increased," he told reporters here today.

He was met after opening the Penang Fama Fest 2022 which began yesterday to June 26. Also present was the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) director-general Datuk Zainal Abidin Yang Razali.

Ahmad said apart from that, MAFI had also held several meetings and discussions with breeders to find the best way and a win-win situation over the price of chicken and they would be carried out from time to time.

He said that based on inspections and monitoring, the ministry found the supply of chicken has stabilised since the second week of June and it is expected to remain as the production of chicken is increasing.

He said based on subsistence level (SSL) for chicken, supply has exceeded the demand now by between 104 to 105 per cent and now the supply of chicken is at 60 million tonnes while demand is at 54 million tonnes.

"Actually, we should be having surplus chicken. However, due to several unexpected situations, there was a shortage earlier," he said.

Commenting further, he said to ensure a sufficient supply of chicken, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob has ordered MAFI through Farmers' Organisations Authority (LPP) to implement several initiatives.

"We have also allocated RM62.5 million to the National Farmers' Organisation (NAFAS) to keep stockpile of chicken," he said. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 8 |

# MAFI pantau pengeluaran ayam peringkat ladang

**Bukit Mertajam:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memantau pengeluaran ayam di peringkat ladang bagi memastikan tidak berlaku gangguan bekalan ternakan itu sehingga boleh menyebabkan peningkatan harga mendadak.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata MAFI juga akan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang menaikkan harga ayam sewenang-wenangnya sehingga membebankan pengguna.

"Kerajaan buat keputusan tidak boleh sentiasa menanggung subsidi (untuk penternak ayam) sebab itu daripada bagi subsidi kepada penternak, kita bagi bantuan terus kepada pengguna... harga ayam akan diapung oleh penternak dan peniaga bermula 1 Julai ini selepas subsidi tidak diberikan kepada mereka.

"Namun, pada peringkat MAFI, kami akan pantau perkara itu, termasuk di ladang dan akan mengambil tindakan jika harga jualan ayam (dinaikkan) sewenang-wenangnya.

"Kami juga mengambil langkah bersiap sedia untuk membawa masuk 200 kontena ayam bulat bagi menampung bekalan dan memastikan harga tidak dinaikkan," katanya selepas merasmikan Penang FAMA Fest 2022, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Datuk Zainal Abidin Yang Razali.

Ahmad berkata, selain itu, MAFI sudah beberapa kali menjalankan pertemuan dan perbincangan dengan pihak penternak untuk mencari jalan terbaik serta situasi menang-menang dalam isu harga ayam dan ia akan diteruskan dari semasa ke semasa.

Beliau berkata, berdasarkan pemeriksaan dan pemantauan, pihaknya mendapati sejak minggu kedua Jun lalu, bekalan



*Ahmad (dua dari kiri) ketika merasmikan Penang FAMA Fest 2022 di Bukit Mertajam, semalam.*
(Foto Danial Saad/BH)

ayam stabil dan dijangka terus kekal berikutan jumlah pengeluaran ayam semakin meningkat ketika ini.

Katanya, berdasarkan tahap sara diri (SSL) untuk ayam ketika ini, bekalan ayam melepasi permintaan antara 104 hingga 105 peratus dan ketika ini bekalan ayam yang dikeluarkan ialah 60 juta tan ayam sedangkan permintaan hanya 54 juta tan.

"Kita sepatutnya mempunyai lebihan bekalan ayam, namun disebabkan beberapa keadaan tidak dijangka mengalami kekurangan sebelum ini. Banyak langkah juga diambil kerajaan termasuk memastikan stok ternakan ayam mencukupi.

"Dengan semua langkah ini dilaksanakan, keadaan kembali normal dan kami tidak menjangka kenaikan harga mendadak walaupun subsidi dihapuskan mulai bulan depan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, bagi memastikan bekalan ayam mencukupi, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengarahkan MAFI, melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) untuk melaksanakan beberapa inisiatif.

"Kami juga memperuntukkan RM62.5 juta kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) untuk menyimpan stok ayam dan ini sudah bermula," katanya. BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 24/6/2022 | KOSMO | NEGARA | 4 |

# Jamin bekalan ayam, ikan cukup

**BESUT** – Kerajaan memberi jaminan bekalan ayam dan ikan yang merupakan antara sumber protein utama mencukupi bagi keperluan pengguna negara ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, berdasarkan pemantauan, kedua-dua bahan mentah itu kini tidak lagi mengalami gangguan bekalan seperti sebelum ini.

"Apa yang kita pantau sejak tiga minggu lalu, kita tidak berhadapan dengan sebarang bekalan sama ada di peringkat pasar raya dan pasar.

"Jadi kita katakan bekalan ayam kini stabil di negara kita," katanya selepas menghadiri sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat Terengganu di Dataran Pekan Jabi, di sini semalam.

Ronald memberitahu, ikan juga tidak mempunyai masalah bekalan pada masa ini, namun harganya masih bergantung kepada faktor permintaan dan penawaran semasa.

Begitupun, beliau menegaskan, kementerian tetap memantau isu kenaikan kos input terutama melibatkan bahan api dan makanan haiwan yang sedang berlaku bagi subsektor peternakan ayam dan nelayan.

"Ini merupakan fenomena global dan tentu sekali negara kita terkecuali daripada gangguan bekalan dan kenaikan kos yang menyebabkan harga makanan kini meningkat.

"Pelbagai langkah telah diambil kerajaan. Kerajaan akan menghentikan subsidi kepada pihak industri pada penghujung bulan ini dan diganti dengan bantuan kewangan terus kepada kumpulan B40 seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam (kelmarin)," katanya.

Ronald berkata, pendekatan baharu itu bertujuan mengalihkan subsidi terbabit kepada kumpulan sasar secara langsung iaitu golongan kurang kemampuan di negara ini.



**RONALD (kanan) melawat gerai pameran sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan 2022 Peringkat Terengganu di Jabi, Besut semalam.** – PUQTRA HAIRRY

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | UTUSAN MALAYSIA | FORUM | 19 |



RANCANGAN Buku Hijau yang dilancarkan pada 20 Disember 1974 oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak Hussein menumpukan perhatian kepada penggunaan tanah untuk tanaman jangka pendek dan perkebunan cara berkelompok.

# Rakyat digalak berkebun atasi krisis makanan

**SAUDARA PENGARANG,**

**SEKURITI** makanan adalah akses setiap penduduk mempunyai makanan yang cukup untuk hidup. Tiga komponen utama dalam sekuriti makanan adalah pengeluaran yang cukup, penawaran stabil dan segmen penduduk terpencil serta tersisih mempunyai akses kepada makanan.

Perang Dunia Kedua mengajar kita mengenai kepentingan sekuriti makanan terutama apabila krisis peperangan atau darurat berlaku. Pada 1960-an, fokus program sekuriti makanan lebih bertumpu kepada penawaran beras, iaitu makanan ruji bagi semua kumpulan etnik.

Malaysia, seperti negara-negara Asia lain turut melancarkan Revolusi Hijau untuk meningkatkan pengeluaran beras. Revolusi ini menampilkan pencapaian tahap sara diri dalam beras yang tinggi pada 1970-an mencapai tahap 80 hingga 85 peratus.

Era 1980-an dan 1990-an membawa perubahan struktur ekonomi daripada berlandaskan eksport pertanian kepada ekonomi yang dipandu sektor pembuatan. Pembangunan pesat sektor pembuatan memberi kesan ke atas sektor pertanian.

Justeru, berdasarkan situasi semasa, Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi baru-baru ini memutuskan lima langkah segera bagi menjamin sekuriti makanan negara. Ia membabitkan kerjasama kerajaan dengan syarikat berkaitan kerajaan dan kerajaan negeri, kerjasama awam dan swasta serta jaminan pasaran hasil pertanian diusahakan oleh peladang dan petani.

Rakyat di peringkat mikro juga sudah sampai masanya menyahut seruan kerajaan untuk mengusahakan tanaman di ruang kosong sama ada di kampung, taman perumahan mahupun tanah persendirian. Rakyat perlu mengubah sikap memanfaatkan waktu senggang untuk berkebun sekurang-kurangnya bagi kegunaan sendiri dan jiran tetangga.

> **“Era 1980an dan 1990an membawa perubahan struktur ekonomi daripada berlandaskan eksport pertanian kepada ekonomi yang dipandu sektor pembuatan. Pembangunan pesat sektor pembuatan memberi kesan ke atas sektor pertanian.”**

Dalam pada itu, Kempen Buku Hijau 2.0 perlu digerakkan kembali dengan mekanisme lebih moden bagi mengajak rakyat berkebun dengan elemen lebih segar melibatkan golongan muda.

Apabila kegiatan berkebun dilaksanakan, ancaman sekuriti makanan dapat diatasi seperti disarankan oleh kerajaan secara jangka pendek dan jangka panjang. Dalam masa sama, harga bagi keperluan asas dapat diturunkan dan meningkatkan semula kuasa beli rakyat.

**YOSRI ABU MAHSIN**
Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pertanian & Industri Makanan

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | NST | NEWS | 4 |

COST OF FOOD

# Ministry to monitor chicken production to prevent drastic price hikes

**SEBERANG JAYA:** The Agriculture and Food Industries Ministry will monitor the production of chicken at the farm level to ensure there is no disruption in supplies that may lead to drastic price hikes.

Deputy Minister Datuk Seri Ahmad Hamzah said the ministry would not hesitate to take action against anyone who indiscriminately raised chicken prices.

"The government knows it cannot always subsidise breeders. So instead of subsidising them, we provide direct aid to consumers.

"The ministry will monitor the situation, including production in farms, and take action if chicken prices are raised indiscriminately.

"We have met and discussed with breeders to find a win-win solution."

He said this after officiating at the launch of the Penang FAMA Fest here yesterday.

On June 1, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob announced that from July 1, the government would no longer provide subsidies to chicken breeders, but would channel aid directly to people in need.

Ahmad said the government, through the ministry, had taken measures to ensure ample supply of chicken.

He said since the second week of the month, chicken supply had stabilised and would continue to remain so.

"Based on the self-sufficiency level for chicken, our supply surpassed demand by 104 to 105 per cent. We can produce 60 million metric tonnes of chicken annually when demand is only 54 million.

"By right, we should have an oversupply of chicken.

"However, due to unforeseen circumstances, we experienced a shortage.

"Many measures have been taken by the government, including ensuring a sufficient stockpile of chicken."

Ahmad said to ensure ample supply of chicken in any circumstance, the prime minister had directed the ministry to carry out initiatives through the Farmers' Organisation Board.

"We have allocated RM62.5 million for the National Farmers' Organisation to stockpile chicken and this initiative has already begun.

"We are expecting the arrival of some 200 containers of chicken in stages, depending on the situation," he said.

# 農長：落實項目及獎掖
# 4350萬發展登農業食品

（日底23日讯）农业和食品工业部长拿督斯里罗纳建迪披露，该部门今年将拨款超过4350万令吉，以促进登嘉楼州农业领域和发展该州的农业食品工业。

他表示，相关拨款将通过农业部旗下的各个部门及机构分配给州政府，以用于落实在次领域，涵盖稻田、水稻、渔业、农作物及畜牧业的各种项目、计划及奖掖之用。

## 确保食品供应稳定

"农业食品工业部门也面临着各种挑战，尤其是冠病疫情后，在一定程度上影响了国内的食品供应链的流畅及稳定度。在这方面，政府致力于透过与州政府的持续协同作用，确保国内食品供应保持完好。

"因此，将继续与登嘉楼州政府展开密切合作，以落实精心策划的倡议。"

他今早在登嘉楼举行的2022年农民、畜牧业者及渔民日开幕仪式上致词时，如是表示。

出席者尚有该州农业、农基工业及乡村发展委员会主席阿兹曼依布拉欣。

与此同时，罗纳建迪表示，政府通过2021至2030年国家农粮政策（DAN 2.0）的框架，始终致力于将农业食品领域转变为可持续、有弹性和高科技的领域。

他呼吁农民、畜牧业者及渔民，尤其是年轻一群，支持政府将物联网（IoT）、数字化、机械化和自动化等现代科技引入农业食品领域。

他认为，工业革命4.0将能够把农业带向更好的发展，让领域者更具竞争力及更有效率。



阿兹曼依布拉欣（左起）、阿末山苏里及罗纳建迪出席在登嘉楼举行的2022年农民、畜牧业者及渔民日开幕仪式，并开心抱起现场的羊只。（马新社照片）

## 登大臣：
## 37%土地充农业用途

另一方面，登州大臣拿督斯里阿末山苏里在致词时提到，州内有37%的土地已被划分为农业用途，惟至今仍有8310.82公顷的土地仍未被使用。

"因此，州政府希望透过私人公司和政府相关公司的参与，让更多农民、企业家、青年和农业领域的B40群体参与，以优化土地的使用。"

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 24/6/2022 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Musang King harga mampu milik antara tarikan Penang FAMA Fest 2022



*Durian Musang King dijual dengan harga RM30 hingga RM35 sekilogram di Penang FAMA Fest 2022. -Gambar fail/Bernama*

**SEBERANG JAYA:** Peminat raja buah boleh menikmati durian Musang King dengan harga mampu milik iaitu RM35 sekilogram yang dijual di Penang FAMA Fest 2022 di tapak parkir pasar raya Lotus's Seberang Jaya.

Program yang berlangsung selama lima hari bermula Rabu lepas itu turut menawarkan jualan buah-buahan bermusim RM30 bagi setalam di laman durian yang disediakan.

Selain itu, komponen yang menjadi tarikan utama adalah empayar makanan popular dari seluruh negara, jualan orkid dan keladi viral serta pelbagai aktiviti lain.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, penganjuran Penang FAMA Fest 2022 itu antara usaha pemulihan dan merancakkan semula ekonomi tempatan yang pasti dinanti-nantikan ramai terutama oleh para usahawan.

Menurutnya, pengunjung ditawarkan pelbagai pilihan produk agromakanan yang boleh didapati menerusi Jualan My Rakyat dan Jualan Terus Dari Ladang dengan penawaran penjimatan 10 peratus dari pasar-pasar awam berdekatan.

Ahmad (kanan) ketika meninjau gerai jualan di Penang FAMA Fest 2022 pada Khamis.

“FAMA membawa usahawan-usahawan tempatan dengan menawarkan produk dengan harga yang berpatutan seperti Jualan Durian Musang King antara RM30 hingga RM35 sekilogram dan juga RM30 bagi setalam buah-buahan tempatan, bertepatan dengan Kempen Lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan.

"Penyediaan platform jualan ini harus direbut oleh usahawan tempatan bagi membantu memasarkan produk dan menambah pendapatan selepas peralihan endemik dimana pelbagai aktiviti promosi dijalankan pada program tersebut sekali gus memberi manfaat kepada pelanggan yang hadir dan pelanggan yang membeli melalui platform Agrobazaar Online akan menyediakan RM20 ribu baucar pembelian dalam talian," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Penang FAMA Fest 2022 di sini, pada Khamis.

Selain laman durian, antara tarikan utama lain yang boleh didapati di Penang FAMA Fest 2022 seperti empayar makanan yang membawakan pelbagai menu makanan popular serata negeri seperti Udang Sanggol Perlis, Teh Ais Lembah Bujang, Beriani Buluh, Patin Tempoyak, sambal hitam dan lain-lain.

Seramai 130 orang usahawan tani diberikan ruang untuk memasarkan hasil pertanian mereka pada program kali ini dengan 11 kluster serta 84 lot usahawan.

isentia

AUTHOR: No author available SECTION: NATION PAGE: 13 PRINTED SIZE: 168.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 5,091.00 ITEM ID: MY0048673708



24 JUN, 2022

# Deputy Minister: Durian supply sufficient, price stable

Sin Chew Daily, Malaysia





阿末哈益（左三）在槟州农业与农基工业委员会主席诺丽拉（右三）等人的陪同下，参观参展摊位。（李明慧摄）

## 副農長：出乎預料收成大增

# 榴槤供應足價格穩

（北海23日讯）农业及食物工业部副部长拿督斯里阿末哈益指出，该部原本预测本月开始的榴梿季节，会受天气影响减产30至40%，但没料到最近榴梿的收成却大好，不但供应充足，价格也平稳。

他说，由于今年初的天气阴晴不定，在导致到全国榴梿园，特别是槟城与霹雳州的榴梿收成将受冲击，该部原先预期今年榴梿价格将受产量减少而飙涨，最终却出现令人出乎预料的情况。

阿末哈益今日出席联邦销售局（FAMA）在诗不朗再也Lotus's商场市场停车场举办的“2022年槟州蔬果、花卉与美食嘉年华”主持开幕后，在新闻发布会这么说。

他说：“虽然我暂时没有全国榴梿产量的数据，但根据观察，目前市场上的榴梿产量确实比预期中还要好，就连‘猫山王’的价格也不会太贵，例如在这里出售的猫山王每公斤35令吉。”

## 5短期措施稳定鸡价

另一方面，询及国内肉鸡的供应情况时，他说，6月份首两周的肉鸡供应充裕，但政府将在6月30日后停止发放补贴给肉鸡养殖者后，肉鸡价格将随着市场浮动。

“尽管如此，为了稳定鸡只价格，首相拿督斯里依斯迈沙比里已宣布5项短期措施，而停止出口鸡只也是措施之一，其他措施包括创建鸡只缓冲库存等等。”

阿末哈益也说，为了减轻民众的经济负担，联邦农业销售局将在诗不朗再也农业博览中心（Tapak Expo）设立永久性农业市集，预计将有15个档位，以比市场更便宜的价格出售包括蔬果、海鲜和肉类等，营业时间是早上8时至下午6时，同时会提供网上购物服务。

AUTHOR: No author available SECTION: NATION PAGE: 13 PRINTED SIZE: 168.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 5,091.00 ITEM ID: MY0048673708



24 JUN, 2022

# Deputy Minister: Durian supply sufficient, price stable

Sin Chew Daily, Malaysia



## SUMMARIES

格链供應足價格穩 (北海2 3 日讯 ) 农业及食物工业部副部长拿督斯里阿末韩查指出， 该部原本预测本月开始的榴裢季节，
会受天气影响减产3 0 至4 0 % ,但没料到最近榴裢的收成却大好， 不但供应充足，
价格也平稳。他说，由于今年初的天气阴晴不定，在考虑到全国榴裢PI,特别是槟城与霹雳州的榴裢收成将受冲击，该部原先预期今年榴裢价格将受产量减少而飙涨，最终却出现令人出乎预料的情况。阿末韩查今日

24 JUN, 2022

# Deputy Agricultural Minister: Durians are cheap as harvest is great

Guang Ming Daily, Malaysia



## 榴槤豐收價格平穩

### 副農長：可享便宜猫山王

（北海23日讯）农业及食品工业部副部长拿督斯里阿末韩沙说，原本预计全国榴梿产量，会因天气而减产约30%至40%，特别是槟城和霹雳州，但没料到榴梿产量大好，以致供应充足，价格平稳。

他今日在诗布朗再也Lotus's霸级市场停车场，为联邦农业销售局（FAMA）举办的槟州蔬果、花卉与美食嘉年华主持开幕后说，榴梿被誉为果王，是许多大马人喜欢吃的水果。

"虽然没有统计过榴梿数量，但市场上的榴梿产量确实比预期中要好，今天会场上也有售卖猫山王，每公斤35令吉，比市场便宜。"

阿末韩沙说，嘉年华因疫情而停办2年，今年复办，场面非常热闹和盛大，旨在帮助本地企业增加和推农产品，价格肯定比市场便宜约10%。

他说，联邦农业销售局将在诗布朗再也农业博览中心（Tapak Expo）设立永久性农业市集（Pasar Tani Kekal），设有15个档口售卖农产品、蔬果和海鲜等，营业时间是早上8时至下午6时，同时会提供网上购物服务。

他说，6月份首两周的肉鸡供应充裕，政府将在6月30日后停止发放补贴予肉鸡养殖者，肉鸡价格之后将随著市场浮动。

他说，为了稳定鸡只价格，首相拿督斯里依斯迈沙比利已宣布5项短期措施，而停止出口鸡只也是措施之一，其他措施包括创建鸡只缓冲库存等。

出席者包括槟州卫生、农业及农基工业委员会主席诺雷拉、诗布朗再也州议员阿菲夫、双溪赖州议员莫哈末尤索夫、联邦农业销售局槟州分局主任莫哈末阿兹拉依等。（SEH）

isentia
AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: A6 PRINTED SIZE: 160.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 2,424.00 ITEM ID: MY0048672700



24 JUN, 2022

# Deputy Agricultural Minister: Durians are cheap as harvest is great

Guang Ming Daily, Malaysia



## SUMMARIES

(北海23日讯）农业及食
品工业部副部长拿督斯里阿末韩沙说，原本预计全国榴裢产量，会因天气而减产约30%至40%，特别是槟城和霹雳州，但没料到榴
裢产量大好，以致供应充足，价格平稳。他今日在诗布朗再也Lotus's霸级市场停车场，为联邦农业销售局（FAMA）
举办的槟州蔬果、花卉与美食嘉年华主持开幕后说，榴裢被誉为果王，是许多大马人喜欢吃的水果。"虽然没有统计过榴裢数量，
但市场上的榴裢产量确实比

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Pengeluaran durian meningkat, harga jualan berpatutan



*Datuk Seri Ahmad Hamzah (kiri) meninjau gerai menjual durian selepas merasmikan Penang FAMA Fest 2022 di tapak Parkir Pasaraya Lotus, Seberang Jaya, Pulau Pinang, pada Khamis. - Gambar Astro AWANI*

**SEBERANG JAYA:** Pengeluaran buah durian di Pulau Pinang dan Perak meningkat meskipun berdepan dengan faktor cuaca tidak menentu musim ini.

Peningkatan ini tersasar daripada jangkaan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang sebelum ini menjangkan pengeluran durian musim ini berkurangan antara 30 hingga 40 peratus, berbanding tahun sebelumnya.

Timbalan menterinya, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, berdasarkan tinjauan yang dibuat kementerian itu, sesetengah kawasan di Pulau Pinang dan Perak merekodkan pengeluaran yang memberangsangkan.

Bahkan, kata beliau, harga durian di pasaran juga berpatutan.

"(Sebelum ini) kita menjangkakan keluaran durian kali ini akan berkurangan tahun ini berbanding tahun lepas kerana faktor cuaca, tapi dengan izin Allah kita dapat lihat banyak durian sekarang dan harganya yang cukup berpatutan tidak seperti yang kita jangkakan harga akan melambung," katanya sambil memberitahu durian jenis Musang King juga dijual pada harga berpatutan.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan Penang FAMA Fest 2022 di tapak Parkir Pasaraya Lotus di sini, pada Khamis.

Hadir sama, Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Zainal Abidin Yang Razalli dan Pengerusi Jawatankuasa Agro Teknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan negeri, Dr Norlela Ariffin.

Program Penang FAMA Fest selama lima hari yang bermula semalam bertujuan membantu menambah ruang pasaran kepada usahawan dalam memasarkan produk agromakanan seterusnya mencapai nilai jualan sebanyak RM500,000.

Pada program itu, jualan durian seperti Musang King dijual pada harga RM35 sekilogram sementara buah-buahan tempatan lain pula berharga RM30 sebakul.

3:26pm 23/06/2022

字 − +

# 阿末韩查：榴梿收成大好 供应充足价格平稳

15162点阅



阿末韩查（左三）在槟州农业与农基工业委员会主席诺丽拉（右三）等人的陪同下，参观参展摊位。（李明慧摄）

（北海23日讯）农业及食物工业部副部长拿督斯里阿末韩查指出，该部原本预测本月开始的榴梿季节，会受天气影响减产30%至40%，但没料到最近榴梿的收成却大好，不但供应充足，价格也平稳。

他说，由于今年初的天气阴晴不定，在考虑到全国榴梿园，特别是槟城与彭亨州的榴梿收成将受冲击，该部原先预期今年榴梿价格将受产量减少而飙涨，最终却出现令人出乎预料的情况。

河末韩查今日出席联邦销售局（FAMA）在诗不朗再也Lotus’s霸级市场停车场举办的“2022年槟州蔬果、花卉与美食嘉年华”主持开幕后，在新闻发布会这么说。

他说：“虽然我暂时没有全国榴梿产量的数据，但根据观察，目前市场上的榴梿产量确实比预期中还要好，就连‘猫山王’的价格也不会太贵。例如在这里出售的猫山王每公斤35令吉。”

## 肉鸡价格将随市场浮动

另一方面，询及国内肉鸡的供应情况时，他说，6月份首两周的肉鸡供应充裕，但政府将在6月30日后停止发放补贴给肉鸡养殖者后，肉鸡价格将随着市场浮动。

“尽管如此，为了稳定鸡只价格，首相拿督斯里依斯迈沙比利已宣布5项短期措施，而停止出口鸡只也是措施之一，其他措施包括创建鸡只缓冲库存等等。”

河末韩查也说，为了减轻民众的经济负担，联邦农业销售局将在诗不朗再也农业博览中心（Tapak Expo）设立永久性农业市集，预计将有15个档位，以比市场更便宜的价格出售包括蔬果、海鲜和肉类等，营业时间是早上8时至下午6时，同时会提供网上购物服务。

榴梿 收成 大好

[最强童颜震惊全网！女星演小学生竟零违和]

[意式浓缩才不是最浓的！带你看懂各类饮料咖啡因含量有多少]

[下周一政府再加码派钱！BKM第二阶段你能拿多少？]

[去JPJ无须再人挤人！教你用线上系统拿号码排队]

[百物上涨小市民吃不消！你的RM5还可以买到什么？]

1 0 0 0 1

ADVERTISEMENT




**0条评论** 排序方式 最早

添加评论...

Facebook 评论插件

分享到：

## 热门话题：

1. 银行盗提
2. 全国大选
3. 俄乌战争
4. 冠状病毒病

## 相关新闻



猫山王 黑刺等2吨榴梿免费任吃 逾200人耗一小时还吃不完

17小时前



柔州议会|扎哈里沙礼：产量过剩，每天2吨榴梿被加工成调味酱或馅料

2天前



丹旅遊局长："黄姜"榴梿重要旅遊产品 希望业者善用带动消费

2天前




视频｜3年来念念不忘 日本女子吃榴梿激动到哭

2天前




"喜欢浅色的金凤凰" 甜榴梿俘获薛影仪

3天前



齐集玲珑有机榴梿园 逾30精武人 品尝果王

3天前

# 更多国内新闻



## 达祖丁被革除巫统最高理事职

3分钟前

## 隆足球场将办亚冠联赛 警方部署必要安全措施

2022年亚足联冠军联赛（H组）将于本月24、27及30日在隆市吉隆坡足球场开踢，警方刻在部署一切必要安全措施，并呼吁到场观赛的观众与警方合作，遵循在场执行职务的警察发出的指示。...

...

9小时前



## APU翻新课纲让工商学系毕业生与时俱进面向未来

9小时前



## 万津木屋大火 老翁逃生不果烧死

9小时前



## 继续回升 今增2796确诊病例

9小时前



## 安努亚驳诺加兹兰批首相软弱 "依斯迈面对各种艰钜挑战"

10小时前

## 你也可能感兴趣

by

具俊晔大S接吻照公开 破除婆媳不合传言护妻

被银行经理辱骂“滚你XX”顾客怒印成直…

吴彦祖全家出席首映礼 9岁女儿挑染红发抢镜

AD

您的意见很重要，今天就参与并获得奖励。

阿嬷采野菜养家“子孙挨饿比死可怕”

少年吸食笑气肺部爆裂 妈：摸起来像破掉泡绵

深圳交往2年男友回英国“失踪”！她上网…

眼看具俊晔上节目放闪 大S张兰哽咽：做梦…

大S家宴照公开 性感裸肩被具俊晔拥入怀

# 猫山王 黑刺等2吨榴梿免费任吃 逾200人耗一小时还吃不完

23/06/2022




668榴梿大王摊子排了200多人。

（威南23日讯）本季黑刺、猫山王盛产且有价，668榴梿大王举办榴梿嘉年华回馈顾客，包括猫山王和黑刺的2吨榴梿免费吃。

获知消息前来排队的民众200多人，但2吨榴梿任吃，至下午3时还吃不完！



2吨榴梿任吃。

568榴莲大王东主赖敬群指出，本季黑刺猫山王盛产且有价，让三巴央榴梿园主赚了一笔，决定以自由乐捐方式，举办榴梿嘉年华，为三巴央新民学校家教协会筹款。

活动是在下午2时开始至吃完为止。据工作人员指出，今早就有很多外地人包括槟岛，大山脚人来摊子询问，获知是在下午2时才开始后，索性待在摊子等待。



民众吃完再到柜台领取榴梿，工作人员开榴梿开到手软。

赖敬群补充，由于人潮是陆续抵达，陆续离开，所以未能准确计算人数，但今天的活动应该有三四百人。

不久前，该摊子曾举办9令吉90仙的榴梿自助餐，出席者超过原预定的100人，为新民学校筹到1000令吉。


1 评论　　排序方式 最早

添加评论…

Wee Lee
一人吃十公斤，难怪吃不完。
赞 · 回复 · 13小时

Facebook 评论插件

## 网友在看什么 »

by



下周一政府再加码派钱！BKM第二阶段你能拿多少？



最强童颜震惊全网！女星演小学生竟零违和



去JPJ无须再人挤人！教你用线上系统拿号码排队



您的意见很重要，今天就参与并获得奖励。

**星洲媒体集团**

星洲人
小星星
星洲电子报
星汇
学海
爱华文
星星学堂
分类广告

**世华媒体集团**

中国报
风采
ENANYANG
爱生活
光明日报
都会佳人
美味风采

**友情链接**

RH Hotel, sibu, sarawak

Copyright © 2022 Sin Chew Media Corporation Berhad (98702-V). All rights reserved.
◆版权所有◆不得转载
Solution Powered by AppAsia ver P-3.9.71.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# 1,460 ekor ayam dijual RM5 sekilogram laku dalam sejam

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

**KEMAMAN** – Sebanyak 1,460 ekor ayam yang berharga RM5 sekilogram habis terjual dalam tempoh kira-kira sejam pada Karnival Terengganu Maju Berkat Sejahtera di Padang Astaka, di sini semalam.

Jualan ayam pada harga subsidi tersebut merupakan inisiatif Pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) Chukai dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chukai, Hanafiah Mat berkata, penjualan ayam pada harga RM5 sekilogram itu merupakan inisiatif bagi meringankan kos sara hidup pengguna setempat.

"Kita mengehadkan setiap pelanggan boleh membeli dua ekor ayam sahaja bagi membolehkan lebih ramai mendapat manfaatnya.

"Sambutan amat menggalakkan sehingga 1,000 ekor ayam diperuntukkan pada peringkat awal tidak mencukupi. Kita buat keputusan tambah lagi 460 ekor," katanya ketika ditemui di Padang Astaka, di sini semalam.



HANAFIAH (kiri) membantu menjual ayam pada Karnival Maju Berkat Sejahtera di Kemaman semalam.

Hanafiah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Perpaduan Nasional Terengganu memberitahu, sebanyak 2,600 kilogram ayam berjaya dijual dalam program terbabit.

Sementara itu, salah seorang pengguna, Nor Aini Mohamad, 59, berkata, dia menikmati penjimatan berganda apabila dua ekor ayam cuma berharga RM17 berbanding kebiasaannya RM40.

"Jualan ayam murah ini memang membantu saya yang mempunyai keluarga besar iaitu 11 orang," katanya.

Nor Aini berkata, dia berharap agar program sebegitu dapat dijalankan secara kerap bagi membantu orang ramai terutama golongan B40 yang agak tersepit dengan kos harian kini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI PULAU PINANG | 27 |

# Hasil durian di luar jangka

**Akibat pengeluaran meningkat, membolehkan raja buah itu dijual pada harga berpatutan**

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN
SEBERANG JAYA

Pengeluaran hasil durian yang di luar jangka musim kali ini membolehkan raja buah itu dijual pada harga yang berpatutan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pada mulanya pihaknya menjangkakan pengeluaran durian kali ini berkurangan antara 30 hingga 40 peratus berbanding tahun lalu berikutan faktor cuaca yang tidak menentu.

Bagaimanapun ujarnya, pengeluaran hasil durian di beberapa kawasan seperti di Pulau Pinang dan Perak di luar jangkaan dan membolehkan orang ramai menikmati pelbagai varieti durian termasuk dalam kategori premium.

"Kita jangkakan harga durian akan melambung namun ia tidak berlaku malah disebabkan hasil pengeluaran yang meningkat menyebabkan harga raja buah itu termasuk dalam kategori premium dijual pada harga yang berpatutan pada musim kali ini.

"Apa yang boleh dikatakan hasil durian kali ini begitu menjadi kerana dalam lawatan saya mendapati durian musang king dijual tidaklah terlalu mahal kerana pengeluarannya meningkat," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Program FAMA Fest Pulau Pinang di sini pada Khamis.



Ahmad (tiga dari kiri) ketika melancarkan Penang Fama Fest 2022 di Seberang Jaya pada Khamis.

Ahmad memaklumkan, program FAMA Fest yang dianjurkan itu bertujuan untuk membantu menambah luang pasaran kepada para usahawan dalam memasarkan produk agromakanan mereka.

Jelasnya, FAMA Fest yang berlangsung selama lima hari bermula Rabu menawarkan pelbagai pilihan produk agromakanan yang boleh didapati menerusi Jualan My Rakyat dan Jualan Terus Dari Ladang dengan penawaran penjimatan 10 peratus dari pasar-pasar awam berdekatan.

Bagi program kali ini, Ahmad berkata, pihaknya menyasarkan kehadiran seramai 50,000 pengunjung dan mencapai nilai jualan sebanyak RM500,000.

AUTHOR: No author available SECTION: NATION PAGE: A10b PRINTED SIZE: 96.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,076.00 ITEM ID: MY0048673791



24 JUN, 2022

# No shortage of chicken, egg in first two weeks of June

Kwong Wah Yit Poh, Malaysia





阿末韩沙（左3）在槟州行政议员诺嘉拉（左2）等人的陪同下为槟州水果、花卉及美食嘉年华展主持开幕。

## 冀肉鸡鸡蛋续供应稳定

### 6月份首两周没出现短缺

（北海23日讯）农业及食品工业部副部长拿督斯里阿末韩沙指出，根据该部门的观察，6月份的首两周肉鸡及鸡蛋供应稳定，没有出现短缺情况，因此，该部希望这种情况能够持续下去。

他说，肉鸡及鸡蛋的统制顶价政策铁定会在6月30日结束，从下月起价格会恢复自由浮动，而该部的统计显示，肉鸡年产量超出市场的消费需求。

阿末韩沙周四为槟州2022年水果、花卉及美食嘉年华展主持开幕仪式后，向媒体发表谈话。他透露，全国农民组织（NAFAS）获得6250万令吉拨款参与养鸡业，协助稳定肉鸡的供应与价格。

询及本季榴梿的产量时，他说，原本预计榴梿的产量会受气候因素影响而下跌30%至40%，但是来自槟城及霹雳的榴梿产量却比预期高，价格也没有出现暴涨的情况。他指出，联邦农业销售局举办水果、花卉及美食展是要协助本地企业开拓本地的消费市场，确保我国的食品供应安全。

他说，从本月22日至26日一连5天举行的槟州水果、花卉及美食嘉年华能够吸引5万人参观，并取得50万令吉的销售额。

此项嘉年华展共有130名涉及农业领域的企业参与，出席者包括槟州行政议员诺嘉拉、联邦农业销售局总监拿督再纳阿比丁等人。#

isentia

AUTHOR: No author available SECTION: NATION PAGE: A10b PRINTED SIZE: 96.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,076.00 ITEM ID: MY0048673791



24 JUN, 2022

# No shortage of chicken, egg in first two weeks of June

Kwong Wah Yit Poh, Malaysia



## SUMMARIES

阿末韩沙（ 左3）在槟州行政议员诺蕾拉（ 左2）等人的陪同下
为槟州水果、花卉及美食嘉年华展主持开幕。冀肉鸡鸡6月份首两周没出现短缺蛋续供应稳定(北海23日讯)农业及食品工业部副部长拿督斯里阿末韩沙指出，根据该部门的观察，6月份的首两周肉鸡及鸡蛋供应稳定，没有出现短缺情况，因此，该部希望这种情况能够持续下去。他说，肉鸡及鸡蛋的统制顶价政策铁定会在6月30日结束，从下月起价格会恢复自由浮动

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | KOSMO | NEGARA | 13 |

## 27 PPK tingkat keahlian kepada 52,671 dengan modal terkumpul RM21.85 juta

# MADA pacu peladang berdaya saing

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI



KAMARUDIN

**ALOR SETAR** – Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berjaya meningkatkan keahlian kepada 52,671 orang di kesemua 27 PPK dalam kawasan MADA dengan modal saham terkumpul RM21.8S juta.

Wakil Pendaftar PPK MADA, Kamarudin Dahuli berkata, sepanjang tempoh lebih lima dekad penubuhan, PPK telah mencapai banyak kejayaan antaranya meningkatkan keahlian daripada 215 orang kepada 52,671 ahli pada ketika ini.

"Peningkatan keahlian ini turut membantu meningkatkan pencapaian modal saham terkumpul mencecah RM21.85 juta.

"Ia merupakan satu pencapaian yang hebat jika mengambil kira saham permulaan yang hanya berjumlah RM500," katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat MADA, di sini baru-baru ini.

PPK MADA ditubuhkan pada 1968 dan kini terdapat 27 PPK di kawasan MADA iaitu meliputi 22 PPK di Kedah dan lima PPK di Perlis.

Kata beliau, perniagaan PPK turut diperkemaskan dari semasa ke semasa meliputi bidang seperti projek pengurusan estet padi, barang bekalan ladang, projek kerja kontrak dan projek pembekalan benih dan semaian.

"Selain perniagaan rutin, terdapat beberapa PPK MADA yang mengendalikan dan mengeluarkan produk khas PPK seperti Projek Pengeluaran Beras Kedah (PPK A-III), Beras Tajar (PPK C-III), Mini Popia (PPK E-I) dan Kordial Mempelam Tobiar Gold (PPK H-I)," ujarnya.

Menurutnya, purata pendapatan PPK dalam kawasan MADA pada ketika ini adalah sebanyak RM2.92 juta.

"Purata keuntungan bersih PPK dalam kawasan MADA pula adalah RM480,000 yang mana angka itu lebih tinggi daripada purata keuntungan bersih PPK nasional berjumlah RM180,000.

"Bersandarkan nilai purata keuntungan bersih itu, kita boleh rumuskan bahawa pencapaian PPK MADA ini berada pada satu tahap yang baik," jelasnya.

Sehubungan itu, kata beliau, pihaknya buat julung-julung kali akan mengadakan majlis khas iaitu Malam Anugerah Segantang Budi dan Malam Anugerah Cemerlang Kakitangan PPK di Hotel Raia, di sini pada 25 Jun (esok) bagi menghargai usaha dan pengorbanan semua pegawai dan petugas PPK.

Dalam pada itu, Kamarudin yang juga Pengurus Besar MADA berkata, peranan PPK MADA dalam berdepan isu keselamatan makanan turut tidak boleh diketepikan kerana kebanyakan aktiviti PPK tersebut semestinya berkaitan dengan tanaman padi yang menjadi makanan ruji rakyat di negara ini.

"Di PPK MADA ini, antara tumpuan diberikan adalah bekalan input termasuk racun serta baja bagi meningkatkan hasil pertanian. Evolusi penanaman padi juga dapat dilihat menerusi peranan dimainkan PPK yang turut terlibat dalam mekanisasi serta automasi pertanian," katanya.



AHMAD ZAMRI DAUD (kanan) dan Roslan Jaafar membantu memasukkan benih padi keluaran MADACorp ke dalam mesin menabur padi milik Aziz Abdul Rahman di Kampung Padang Luar, Mukim Tajar, Alor Setar semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# Warga Singapura serbu Batu Pahat demi durian



NORHAYATI (dua dari kanan) bersama penjual durian gerai Tok Abah (kiri) Mohd. Sahlan di Batu Pahat, baru-baru ini.

**BATU PAHAT:** Selepas dua tahun tidak dapat merentas sempadan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), rakyat Singapura dilihat mengambil kesempatan dengan berbelanja dan menghabiskan cuti hujung minggu di negara ini.

Ini termasuk 'membalas dendam' menikmati pelbagai makanan kegemaran yang sedap dan murah, termasuk durian.

Dengan kadar tukaran mata wang satu dolar Singapura bersamaan kira-kira RM3.10 ketika ini, ramai rakyat Singapura yang 'memborong' durian.

Seorang akauntan yang juga rakyat Singapura, Norhayati Khamis, 35, mengakui sudah tiga minggu berturut-turut membawa keluarga dan rakan-rakan ke daerah ini bagi menikmati aneka jenis durian.

"Semasa sekatan perjalanan di Singapura, kami yang teringin makan durian hanya boleh berpuas hati dengan durian yang sudah dikupas dan dipek yang dijual di pasar raya. Selain harga lebih mahal, durian berkenaan juga tidak sesegar seperti ini.

"Perjalanan menaiki kereta dari Singapura ke Batu Pahat mengambil masa kira-kira sejam lebih juga tidak terasa kerana kami gembira dapat habiskan masa bersama keluarga dan rakan-rakan.

"Harga durian di sini pun murah dan kami memilih untuk makan durian secara bufet dan makan beramai-ramai dengan hanya perlu membayar bil keseluruhan, iaitu kira-kira 30 dolar," katanya ketika ditemui di Jalan Bukit Pasir di sini baru-baru ini.

Bagi penjual durian gerai Tok Abah, Mohd. Sahlan Md. Saat, 35, harga durian pada musim kali ini dijual antara RM4 hingga RM5 lebih murah daripada harga pasaran.

Dia menjual lebih 100 jenis durian yang diperoleh daripada pekebun di Lenga, Muar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |

# Pajak kebun durian, pendapatan RM120,000

Oleh **MUHAMMAD ZIKRI**
utusannews@mediamulia.com.my

**PONTIAN:** Seorang penternak lembu menggunakan peluang dan masa yang ada untuk memasarkan buah durian dari kebun yang dipajak dan mampu meraih pendapatan kira-kira RM120,000 semusim.

Menurut Nordi Ahmad, 51, lokasi kebun durian yang dipajak seluas dua ekar di Parit Sulong, semua dipenuhi tanaman durian manakala di Ayer Baloi, kebun sawit di tanam 40 pokok durian.

Katanya, pemasaran durian turut dilakukan menerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Ayer Baloi selain dia menjual kepada pembeli sehingga ke Kota Tinggi, Johor Bahru dan sebagainya.

Tambah Nordi, kadar pajakan bagi semusim bergantung kepada buah durian seperti pada tahun lepas sebanyak RM12,000 bagi 5,000 biji dan tahun ini, RM18,000.

"Dua varieti durian yang dipasarkan ialah durian kahwin jenis Kasap Merah dan D88 pada harga antara RM8 hingga RM15 sekilogram," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Parit Gantong, Sanglang di sini.

Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun lalu, disebabkan terdapat sekatan pergerakan, dia menyerahkan pemasaran buah-buah durian kepada PPK Ayer Baloi sepenuhnya.

"Alhamdulillah dengan kebenaran merentas daerah dan negeri, saya turut memasarkan juga buah-buah durian, manakala sebahagiannya pula kepada PPK Ayer Baloi," katanya yang kini menternak sebanyak 70 ekor lembu.

Jelas Nordi, aktiviti memajak kebun durian telah dilakukan sebelum dia mendirikan rumah tangga dengan sedikit keuntungan digunakan sebagai modal menternak lembu.

Bagi setiap kebun durian yang dipajak, pada tahun ini mempunyai 6,000 dan 8,000 biji yang mampu bertahan selama sebulan masa tuaiannya.

"Setiap kali turun ke lapangan, saya dan isteri akan membawa sebanyak 200 hingga 300 kilogram durian yang dijual kepada pembeli sehingga habis," katanya.

Bagi mengelakkan pergantungan terhadap kebun yang dipajak setiap tahun, dia turut menanam pokok durian kahwin dan kampung yang kini berusia tiga tahun di kampungnya.



NORDI Ahmad menunjukkan buah durian yang sedia untuk dipasarkan di rumahnya di Kampung Parit Gantong, Sanglang, Pontian.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | KOSMO | NEGARA | 18 |



ZAIDI menunjukkan ternakan arnab yang diusahakan sejak PKP ketika ditemui di Felda Sening semalam.

# Untung jual arnab pedaging

**KOTA TINGGI** – Perniagaan menternak arnab pedaging di Felda Sening di sini yang diwarisi daripada arwah keluarga ternyata membawa rezeki buat seorang lelaki apabila mampu meraih RM500 sebulan.

Zaidi Daeman, 43, berkata, dia mula mengusahakan ternakan arnab ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, dia membeli sembilan ekor induk arnab bernilai RM4,000 menggunakan duit Kumpulan Wang Simpanan Pekerja i-Lestari.

"Arnab semakin membiak hingga saya kini ada 170 ekor. Sekarang induk bertambah kepada 32 ekor dan dalam sebulan kira-kira 15 ekor induk boleh dikahwinkan dan melahirkan lebih banyak anak.

"Sehari saya hanya meluangkan masa selama satu jam untuk membersih dan memberi makan arnab. Seekor saya jual RM35," katanya.

Menurut Zaidi, hasil kebun sawit perlu dibahagikan dengan adik beradik lain tetapi pendapatan menjual arnab untuk dirinya sendiri.

Tambahnya, ibu bapanya meninggal dunia dalam kemalangan 16 tahun lalu menyebabkan dia pulang ke kampung untuk mengambil alih perusahaan dan menetap di rumah arwah.

"Selain itu, saya juga ada membuka warung yang diusahakan bersama isteri, Rosadila Mesa, 43," katanya.

Ujar Zaidi, dia hampir berputus asa apabila 12 ekor arnab induknya mati sebelum ini sebelum dinasihatkan oleh rakan-rakan supaya bangkit kembali.

Dia merancang untuk menambahkan lagi ternakan arnabnya sehingga mencecah 500 ekor.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 32 |

# EZ Qurban sasar 'tumbang' 600 lembu

**Sungai Buloh:** Bersempena hari raya Aidiladha tidak lama lagi, EZ Qurban Sdn Bhd dengan kerjasama Yayasan EZ Prihatin melancarkan Program Korban Malaysia bagi memberi peluang kepada umat Islam melaksanakan ibadah korban di dalam negara.

Program yang masuk tahun ketiga itu mensasarkan 600 lembu berbanding 497 lembu tahun lalu.

Ketua Pegawai Operasi EZ Qurban Muhammad Hafeez Firdaus Toharudin berkata, program berkenaan akan memberi manfaat kepada lebih 50,000 penerima terdiri daripada asnaf, fakir miskin dan golongan memerlukan.

"Tahun ini bila kita lihat program korban sudah mula dibuka, kita mengehadkan beberapa lokasi untuk melaksanakan ibadah itu supaya lebih mudah untuk membuat pemantauan.

"Ini kerana kita menerima pengiktirafan untuk prosedur perkhidmatan akikah berasaskan pematuhan syariah dan kami ketatkan beberapa perkara sebagai jaminan sembelihan korban yang diadakan lebih sempurna," katanya ketika meninjau persiapan di Saujana Agro Trading di sini, semalam.

Program Korban Malaysia yang dilaksanakan pada tahun ini akan diuruskan oleh Yayasan EZ Prihatin mengikut standard piawaian ISO dan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Katanya tarikh tutup program berkenaan adalah pada sehari sebelum Aidiladha bagi memberi peluang kepada seramai mungkin untuk mendaftar.

Menurutnya, selain Yayasan EZ Prihatin, pihaknya turut bersama dengan badan bukan kerajaan tempatan serta majlis daerah dalam program terbabit.

Katanya, pihaknya akan memastikan SOP dilaksanakan sebaik mungkin bagi melancarkan program.

Tahun ini, harga Korban Malaysia dibuka pada harga adalah RM750 untuk satu bahagian lembu, seekor lembu RM5,250, kambing pada harga RM1,199 seekor dan setiap peserta akan diberi video, gambar dan sijil sebagai bukti pelaksanaan.



HAFEEZ (kiri) melihat lembu ternakan bagi tujuan ibadah korban.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 7 |

# Galak koperasi, usahawan ceburi rantaian bekalan

## Pembabitan pelbagai pihak bagi perkukuh pengeluaran, sekuriti makanan

**Oleh Farah Marshita Abdul Patah**
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan perlu menggalakkan pembabitan koperasi dan usahawan muda menceburi bidang rantaian bekalan bagi memperkukuh sekuriti dan ekosistem pengeluaran makanan negara ketika berdepan krisis makanan.

Felo Kanan Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS), Profesor Datin Paduka Fatimah Mohamed Arshad, berkata penambahan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam rantaian bekalan adalah tidak bersesuaian kerana ia akan menutup peluang pihak lain untuk memasuki pasaran.

Sebaliknya, Fatimah berkata, kepelbagaian dinamik dalam bidang rantaian bekalan akan menggerakkan pasaran dan mewujudkan inovasi.

"GLC tidak sesuai dimasukkan ke dalam rantaian bekalan makanan kerana mereka adalah besar dan menekankan pulangan kepada modal.

"Pasaran tidak akan bergerak sekiranya dimonopoli, bagaimanapun, jika dipelbagaikan maka ia akan menjadi mewah dan penuh dengan inovasi," katanya dalam Seminar Krisis Makanan: Isu dan Penyelesaiannya, yang disiarkan secara langsung menerusi FB Live, semalam.

Oleh demikian, Fatimah berkata, kerajaan perlu menggalakkan pembabitan koperasi dan usahawan muda yang akan menjana pasaran lebih bersaing serta adil.

"Ini kerana dinamik dan kepelbagaian dalam rantaian bekalan akan mewujudkan agihan yang setara dan inovasi lebih tinggi.

"Cuba kita lihat pasaran di Thailand yang tiada pembabitan GLC, oleh itu terdapat kepelbagaian barang dengan harga yang murah" katanya.

Selain itu, Fatimah, mengingatkan bahawa petani kecil bukanlah satu liabiliti dan kerajaan tidak boleh memandang rendah golongan itu.

Katanya, petani kecil adalah harta kepada negara dan sekuriti makanan.

"Di Vietnam, polisi mereka adalah memperkasakan petani dan dalam konteks Malaysia kita juga perlu mesra kepada golongan ini.

"Kerajaan juga disarankan untuk menyalurkan dana kepada pemerkasaan petani dari segi ilmu dan teknologi." katanya



> Pasaran tidak akan bergerak sekiranya dimonopoli, bagaimanapun, jika dipelbagai maka ia akan menjadi mewah dan penuh dengan inovasi

*Fatimah Mohamed Arshad,*
*Felo Kanan IDEAS*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 24/6/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 30 |

Memacu peladang lebih progresif, berdaya saing

# MADA perkukuh ekonomi PPK

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI
utusannews@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Sejak penubuhannya pada 1968, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah banyak berkembang seiring kemajuan semasa.

Semuanya demi satu matlamat iaitu memperkukuh taraf ekonomi dan sosial masyarakat peladang ke arah lebih progresif, berdikari, makmur dan bersepadu.

Justeru, buat julung kali sejak penubuhannya, satu majlis dinamakan sebagai Malam Anugerah Segantang Budi dan Malam Anugerah Cemerlang Kakitangan PPK bakal diadakan pada 25 Jun ini di Hotel Raia, di sini.

Menurut Wakil Pendaftar PPK MADA, Kamarudin Dahuli, majlis tersebut merupakan satu penghargaan terhadap usaha pegawai serta kakitangan PPK yang cukup signifikan terhadap perkembangan dalam pentadbiran pertubuhan itu.

"Perkembangan PPK dalam kawasan MADA ini boleh kita sifatkan sebagai sesuatu yang cukup memberangsangkan. Segalanya tampak positif termasuk dari sudut penerimaan kalangan peladang itu sendiri.

"Berbanding cuma 215 orang keahlian pada awal penubuhan, kini jumlah ahli di semua 27 PPK dalam MADA mencecah 52,671 orang. Modal saham terkumpul juga berjumlah RM21.85 juta berbanding cuma RM500 awal-awal dahulu," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.



KAMARUDIN DAHULI

Dalam sudut lain kata Kamarudin, struktur PPK pada ketika ini juga sudah bertambah baik sekali gus membolehkan pertubuhan tersebut PPK lebih banyak terlibat dengan tanaman selain padi.

"Ketika ini purata pendapatan PPK dalam kawasan MADA adalah sebanyak RM2.92 juta. Purata keuntungan bersih PPK dalam Kawasan MADA pula adalah RM480,000 yang mana angka itu lebih tinggi daripada purata keuntungan bersih PPK nasional berjumlah RM180,000.

"Bersandarkan nilai purata keuntungan bersih itu, kita boleh rumuskan bahawa pencapaian PPK MADA ini berada pada tahap yang baik. Jadi majlis penghargaan yang bakal kita adakan adalah tepat untuk menghargai usaha dibuat oleh pegawai dan petugas PPK," katanya.



AHMAD Zamri Daud (kiri) dan Roslan Jaafar membantu memasukkan benih padi keluaran MADACorp ke dalam mesin menabur padi milik Aziz Abdul Rahman di Kampung Padang Luar, Mukim Tajar, Alor Setar. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

Secara keseluruhannya terdapat 279 PPK di seluruh negara dengan 27 daripadanya berada dalam kawasan MADA iaitu 22 PPK di negeri ini, manakala lima lagi di Perlis.

Kamarudin yang juga Pengurus Besar MADA berkata, bersandarkan perkembangan tersebut serta data sedia ada, adalah tidak mustahil untuk PPK dalam kawasan itu mencapai matlamat disasarkan iaitu bagi menjadikannya supaya lebih berdikari.

"Kita dapati terdapat potensi besar untuk PPK ini menjadi lebih berdikari pada masa akan datang. Menerusi langkah tersebut, PPK sedia ada ini nanti akan diuruskan oleh ahli-ahlinya sendiri. Insya-Allah pertubuhan ini nanti mampu memberi sumbangan lebih besar kepada ahli-ahlinya termasuk menerusi pulangan dividen lebih baik," katanya.

Sementara itu katanya, peranan PPK MADA dalam berdepan isu keselamatan makanan turut tidak boleh diketepikan apatah lagi kebanyakan aktiviti PPK tersebut sememangnya berkaitan dengan tanaman padi yang menjadi makanan ruji rakyat di negara ini.

# Bekas jurutera elektrik tak menyesal jadi petani



KEBUN Alif Haiqal di Kampung Tuan Sheh yang diusahakan selepas berhenti sebagai jurutera elektrikal.

**KOTA TINGGI:** Seorang pemuda yang juga pemegang Ijazah Kejuruteraan Elektrikal di sini tidak pernah menyesal dengan keputusan untuk menceburi bidang pertanian.

Alif Haiqal Ibrahim, 32, kini telah lima tahun mengusahakan pelbagai tanaman kontan secara fertigasi di tanah seluas hampir satu hektar milik keluarganya yang terletak bersebelahan kediaman mereka.

Dia yang sebelum ini bekerja sebagai jurutera menggunakan modal kira-kira RM15,000 untuk membangunkan kebun yang kini menempatkan tanaman seperti bendi, peria katak, kacang botol dan cili.

"Saya pernah bekerja sebagai jurutera elektrikal selama tiga tahun sebelum mengambil keputusan memberi fokus dalam bidang pertanian. Masa itu sebelum berhenti saya sudah bangunkan sedikit demi sedikit kebun melalui kaedah fertigasi selepas sertai kursus.

"Alhamdulillah untuk sebulan sahaja kini saya mampu meraih pendapatan sehingga RM6,500 dengan mengusahakan semua tanaman yang ada ini berseorangan. Bahkan masa saya juga lebih tersusun berbanding kerja makan gaji sebelum ini," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Tuan Sheh Tanjung Sedili, di sini.

Dia tidak menafikan bekerja di kebun membuatkannya lebih seronok kerana dapat melihat sendiri pokok yang disemai sehingga membesar di depan matanya dan mengeluarkan hasil.

Bercerita lanjut, sistem fertigasi gantung yang diusahakan melibatkan 2,500 pokok bagi tanaman peria katak dan kacang botol.

"Saya mengusahakan empat plot tanaman. Semuanya perlu dirancang dengan teliti untuk tempoh setahun kerana ada waktunya kebun akan berdepan dengan situasi banjir, iaitu pada hujung tahun.

"Sebab itu saya menggunakan teknik tanaman gantung agar risiko tanaman terjejas dapat dikurangkan," ujarnya.

Tambahnya agensi kerajaan seperti Pejabat Pertanian Kota Tinggi dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kota Tinggi Timur banyak memberi bantuan serta dorongan kepadanya untuk terus berjaya dalam bidang itu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 24/6/2022 | UTUSAN MALAYSIA | RENCANA | 14 |

**BARJOYAI BARDAI**



# Peralihan subsidi, bukan pemberhentian subsidi

MALAYSIA ingin dilihat sebagai sebuah negara yang cukup prihatin terhadap kesejahteraan rakyat tetapi pada masa sama sentiasa berhemah mengurus kewangan. Pengalaman Sri Lanka sentiasa dilihat sebagai tauladan penting.

Sri Lanka yang terlalu menonjolkan subsidi untuk rakyat dalam kos bahan bakar, minyak masak, gula, beras, tepung, pengangkutan dan perumahan menyebabkan kerajaan terpaksa meminjam melebihi keupayaan setiap tahun untuk meneruskannya. Akhirnya, seluruh Sri Lanka terjejas dari segi kewangan dan ekonominya.

Malaysia perlu dilihat jauh daripada mengikuti jejak Sri Lanka walaupun kita juga amat giat dalam mewujudkan skim subsidi dan bantuan kepada isi rumah. Pengumuman pemberhentian subsidi ayam dan pembatalan subsidi minyak masak dalam botol membayangkan langkah berhemah kerajaan sambil pada masa sama terus menunjukkan keprihatinan terhadap kumpulan isi rumah yang memerlukan.

Kerajaan memperkenalkan subsidi minyak masak berbotol pada Ogos 2021 untuk tempoh tiga bulan bagi membantu Keluarga Malaysia menangani kesan pandemik Covid-19. Jumlahnya menjangkau RM55 juta sebulan. Ia sepatutnya berakhir pada 31 Oktober ini, namun kerajaan melanjutkan tempoh subsidi sehingga 30 Jun ini atas dasar ihsan. Disebabkan penyalahgunaan subsidi, kerajaan mengumumkan untuk memberhentikannya berkuat kuasa 1 Julai ini.

**MINYAK PAKET**

Walaupun begitu, kerajaan masih terus memberikan subsidi ke atas minyak masak kampit 1 kilogram (kg.) dengan mengenakan harga kawalan pada RM2.50 sekampit berbanding kos sebenar RM9 sekampit (iaitu subsidi sebanyak RM6.50 sekg). Sejumlah 60,000 tan minyak dalam kampit dijual setiap bulan menjadikan jumlah subsidi bernilai RM390 juta sebulan. Ini sudah berlanjutan sejak 2016, mencapai jumlah subsidi lebih RM33 bilion.

Pada tahun ini sahaja dianggarkan RM2.2 bilion dibelanjakan untuk membayar subsidi minyak paket. Subsidi ini juga mempunyai masalahnya sendiri kerana lebih 5,000 tan minyak disalahgunakan oleh penjual dan pembeli.

Subsidi minyak masak dalam botol disasarkan kepada kumpulan M40 sebagai tandingan kepada minyak-minyak masak import. Kumpulan ini kini perlu menggunakan minyak masak kampit jika mereka merasakan masih memerlukan subsidi kerajaan.

Di bawah prinsip sama, kerajaan mengumumkan pemberhentian subsidi pengeluaran ayam dari ladang pada kadar 60 sen sekg. kepada penternak melibatkan lebih 1.2 juta tan ayam setahun. Jumlah penjimatan daripada pemberhentian subsidi ini disasarkan diagihkan terus kepada kumpulan memerlukan melebihi 8.6 juta (4 juta isi rumah, 1.2 juta warga emas dan 3.4 juta individu bujang). Kerajaan mengumumkan pembahagian tambahan bayaran RM100 untuk setiap kumpulan sasar khusus ini dalam bentuk tunai.

**AGROBANK**

Oleh itu, istilah 'pemberhentian subsidi' bukanlah tepat digunakan kerana sebenarnya apa yang berlaku ialah 'peralihan subsidi.' Pemberian subsidi ke atas pengeluaran ayam dilihat tidak berkesan kerana walaupun kerajaan memperuntukkan RM720 juta, hanya RM168 juta yang benar-benar digunakan. Ini berbanding pembahagian bersasar sebanyak RM638 juta yang diberikan terus kepada penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM).

Di samping sejumlah RM2,500 bagi setiap keluarga yang diumumkan dan dibayar secara bertahap pada tahun ini dalam bentuk BKM. Ia melibatkan kos kerajaan berjumlah RM1.74 bilion. Jumlah RM2,500 adalah tahap tertinggi pernah dibayar kepada kumpulan sasar sejak skim sebegini dimulakan hampir 10 tahun lalu.

Selain pemberhentian subsidi, kerajaan juga memulakan langkah melaksanakan Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) di bawah Agrobank membabitkan peruntukan sebanyak RM800 juta.

DPAKM menawarkan kemudahan pembiayaan khusus mengikut agihan pembiayaan iaitu RM300 juta bagi ternakan ayam, ternakan ruminan iaitu lembu dan kambing (RM200 juta), tanaman sayur-sayuran (RM100 juta), usahawan mikro (RM100 juta), usahawan mikro baharu (RM50 juta) dan usahawan muda (RM50 juta). Bila bekalan makanan negara dipastikan mencukupi malah berlebihan maka pastilah harganya termasuk ayam akan kembali stabil di pasaran.

Selepas ini kerajaan perlu mengkaji semula subsidi lain dan mengubahnya daripada bentuk subsidi umum kepada subsidi khusus dan bersasar. Ini perlu dilakukan secara bertahap dan beransur-ansur untuk tidak menjejaskan kos kehidupan isi rumah keseluruhannya.

Pada masa hadapan, pemberian kepada isi rumah yang memerlukan perlu diberikan secara khusus dan tersasar. Penggunaan baucar makanan yang boleh dipraktikkan di pasar, kedai runcit dan pasar raya misalnya adalah mekanisme yang cekap dalam membantu mengurangkan kos hidup kumpulan memerlukan ini.

Satu mekanisme dilihat paling berkesan ialah mewujudkan tabung endowmen berasaskan skim wakaf untuk menarik sumbangan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat dan individu dengan galakan cukai dalam bentuk rebat atau potongan. Tabung ini akan dilaburkan dan hasilnya digunakan untuk membiayai kumpulan memerlukan.

Ini boleh menjadi asas pembentukan sistem keselamatan sosial yang akan menjadi asas kepada pewujudan sistem pembiayaan lestari untuk kumpulan memerlukan dalam ekonomi negara.



PENGGUNAAN baucar makanan di pasar, kedai runcit dan pasar raya pada masa hadapan misalnya adalah mekanisme yang cekap dalam membantu mengurangkan kos hidup kumpulan memerlukan. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

> **"Pada masa hadapan, pemberian kepada isi rumah yang memerlukan perlu diberikan secara khusus dan tersasar."**

DR. Barjoyai Bardai ialah Profesor Emeritus di Universiti Tun Abdul Razak (UTAR).